

21/07/2001

Black Metal merebak ke sekolah rendah (HL)

Johan Afandi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Beberapa sekolah rendah di sini turut diserapi pengaruh muzik Black Metal apabila ramai muridnya mempunyai tatu salib terbalik yang dibuat dengan gurisan duit siling.

Sebuah sekolah itu, yang terletak di Bangsar, hari ini gempar apabila tanda salib dikesan pada tangan kiri kira-kira 40 murid Islam tahun empat, lima dan enam.

Perkara itu dikesan dalam pemeriksaan guru mereka pagi ini selepas menerima aduan sekolah agama tempat murid berkenaan belajar pada sesi petang.

Berikutan itu, pentadbiran sekolah rendah berkenaan menghubungi balai polis yang kemudian menghantar anggotanya untuk mengambil keterangan semua murid terbabit.

Di sebuah sekolah rendah di Brickfields pula, lebih 30 murid didapati mempunyai tanda salib di tangan mereka yang dipercayai dilakukan sekumpulan pengawas sekolah itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak, terutama ibu bapa dan guru, mencari punca dan menyelesaikan segera masalah itu.

Perdana Menteri sedih kerana pelbagai gejala negatif berlaku di kalangan pelajar belasan tahun, yang masih muda, sedangkan tidak berlaku sebelum ini.

"...bukan Cina bukan India tetapi Melayu. Walaupun orang India dan orang Cina terbabit, bilangan terbesarnya ialah Melayu.

"Hari ini kita telah baca mengenai satu kumpulan Melayu yang sudah lari daripada ajaran Islam, mereka menyembah syaitan, mereka terbabit dengan apa yang dipanggil Black Metal," katanya ketika merasmikan Program Celik IT di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 di Kota Bharu, hari ini.

Kabinet semalam mengeluarkan arahan supaya pihak berkuasa menyoal siasat beberapa kumpulan muzik terkenal tanah air yang dipercayai membantu beberapa kumpulan tertentu menyebarkan fahaman anti ketuhanan kepada remaja melalui muzik.

Gejala Black Metal, yang banyak mempengaruhi remaja di utara Semenanjung, mula didedahkan akhbar Harian Metro awal bulan ini dan kemudian dilaporkan semua media massa tanah air.

Dr Mahathir berkata, ibu bapa perlu bertanggungjawab untuk menjaga anak agar menjadi manusia bertanggungjawab pada masa depan, manakala guru harus memainkan fungsi lebih berkesan bagi memastikan masalah itu dapat diatasi.

Sebelum ini, hanya pelajar di utara tanah air mengaku terbabit dengan kumpulan Black Metal seperti memuja simbol pentagram (simbol lapan bucu), minum darah kambing dan menyertai pesta seks bebas.

Sementara itu, guru sekolah rendah di Bangsar yang enggan namanya disiarkan berkata, mereka tidak menyangka kira-kira 40 murid sekolah itu mempunyai simbol berkenaan.

"Pentadbiran sekolah agama itu mendakwa ada sebilangan murid sekolah ini yang mempunyai simbol seakan-akan tanda salib. Kami kemudian melakukan pemeriksaan dan ternyata dakwaan itu benar," katanya kepada Berita Harian.

Tinjauan Berita Harian pagi ini mendapati sebuah kereta polis berada di pekarangan sekolah rendah itu, manakala hampir semua murid berada di kawasan perhimpunan. Bagaimanapun, wartawan dan jurugambar tidak dibenarkan masuk.

Kira-kira jam 12 tengah hari beberapa ibu bapa dilihat memasuki sekolah

itu. Mereka dipercayai dipanggil bagi memaklumkan kejadian itu, sebelum mengambil murid terbabit pulang.

Ketika ditanya sama ada murid itu terbabit dengan kumpulan Black Metal, guru itu berkata, polis dan pentadbiran sekolah masih mengambil keterangan mereka.

"Keterangan awal murid terbabit mendapati mereka mempunyai sebuah kumpulan dan diketuai dua murid tahun enam," katanya.

Kejadian di sekolah rendah Brickfield pula disedari apabila ibu kepada dua murid terbabit, membuat laporan polis.

Wanita itu, yang enggan namanya disiarkan berkata, berdasarkan keterangan dua anaknya, masing-masing di tahun tiga dan enam, simbol itu dibuat secara paksa oleh pengawas.

"Saya sudah melaporkan perkara itu kepada polis dan berharap tindakan dapat diambil kepada pengawas terbabit," katanya.

Jurucakap polis ketika dihubungi mengesahkan kedua-dua kejadian itu dan siasatan masih dijalankan.

"Polis sedang mengumpul keterangan daripada semua murid terbabit," katanya.

(END)